

**Kenyataan Dasar**  
**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**  
**2/2017**

Tarikh: 22 Disember 2017

**Perkembangan Ekonomi Global dan Serantau**

1. Data awal menunjukkan bahawa perkembangan ekonomi global terus berkembang pada separuh kedua 2017, dengan ekonomi maju didokong oleh dasar-dasar monetari yang masih akomodatif dan pertumbuhan permintaan domestik yang lebih kukuh. Meskipun mengalami bencana taufan, ekonomi Amerika Syarikat (A.S.) masih berkembang dengan kukuh pada suku ketiga. Zon Eropah dan Jepun juga terus berkembang dengan prospek pertumbuhan jangka pendek yang positif. Ekonomi yang baru muncul, terutamanya Brazil dan Rusia, memanfaatkan pemulihan harga komoditi dan ekonomi dinamik yang berdaya tahan di China.
2. Keyakinan para pelabur dalam pasaran kewangan terus kekal tinggi selaras dengan jangkaan bahawa perkembangan ekonomi secara meluas akan berterusan dalam jangka masa yang terdekat. Harga komoditi terus pulih disokong oleh sektor tenaga. Harga minyak mentah meningkat lebih tinggi yang didorong oleh penurunan inventori minyak mentah A.S. yang lebih cepat daripada yang dijangkakan dan meningkatnya jangkaan bahawa pemotongan pengeluaran akan dilanjutkan di sebalik permintaan global yang semakin meningkat. Sementara itu, harga gas asli cecair terus menghadapi tekanan menurun dan berkemungkinan akan kekal rendah dalam jangka masa terdekat dan juga sederhana.
3. Perkembangan ekonomi yang dapat diperhatikan ini telah menyebabkan beberapa buah bank pusat untuk mempertimbangkan semula kelonggaran dasar monetari yang telah dilaksanakan sebelum ini. Federal Reserve A.S. telah menaikkan kadar faedah dalam bulan Disember iaitu merupakan kali ketiga dibuat pada tahun ini serta telah memulakan proses menormalisasikan penyata imbalan pada bulan Oktober 2017. European Central Bank juga telah mengumumkan proses pengurangan pembelian aset yang akan bermula pada Januari 2018. Walau bagaimanapun, proses ini akan berlaku secara berperingkat-peringkat. Persekitaran kadar faedah

yang semakin meningkat boleh menjadi risiko utama dalam jangka masa pendek untuk sebahagian daripada ekonomi global. Kebanyakan negara masih mengalami pertumbuhan ekonomi yang lembap dan inflasi masih berada di bawah sasaran, walaupun prospek perkembangan ekonomi masa kini agak positif.

#### **Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam**

4. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga tetap berkembang 0.7% tahun-ke-tahun pada suku kedua 2017, dan telah pulih daripada penurunan sebanyak 1.7% tahun-ke-tahun pada suku pertama. Sektor minyak dan gas berkembang sebanyak 1.1% tahun-ke-tahun pada harga tetap, disokong terutamanya oleh kenaikan pembuatan gas cecair asli dan metanol sebanyak 11.4% tahun-ke-tahun. Sementara itu, sektor bukan minyak dan gas juga meningkat sebanyak 0.1% tahun-ke-tahun pada suku kedua 2017, di mana sebahagian besarnya telah disumbangkan oleh pertumbuhan dalam pembuatan produk makanan dan minuman sebanyak 13.5% tahun-ke-tahun. Pada harga semasa, sektor kewangan adalah sebanyak 6.9% daripada KDNK pada suku kedua 2017.
  
5. Usaha mempelbagaikan ekonomi juga turut rancak digerakkan melalui penarikan pelaburan langsung asing (FDI), perkembangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME), pembangunan kluster-kluster ekonomi dan pembaikan iklim perniagaan. Pada tahun 2017, Negara Brunei Darussalam telah merekodkan pelaburan terbesar dengan komitmen Syarikat Hengyi Industries dalam industri hiliran sebanyak USD 3.445 bilion bagi fasa pertama. Industri hiliran juga dijangka akan terus membangun pesat dengan perancangan untuk membangunkan industri petrokimia dan hiliran di Pulau Muara Besar bagi fasa kedua. Beberapa projek FDI juga telah direalisasikan melalui pembukaan kilang-kilang pembuatan makanan seperti Western Food and Packaging, Saahtain Asia dan juga di sektor perkhidmatan melalui Muara Port Company. Dalam laporan *Doing Business 2018* keluaran World Bank, negara ini tersenarai sebagai negara yang paling meningkat di dunia, kepada kedudukan ke-56 daripada ke-72. Dengan reformasi dan pembaikan kepada iklim perniagaan, pendaftaran syarikat baru juga turut merekodkan pertumbuhan sebanyak 12% pada suku ketiga 2017 daripada suku ketiga 2016. Dalam sektor perkhidmatan, sektor pelancongan turut merekodkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan peningkatan 25.7% pada suku kedua 2017 daripada suku kedua 2016.

6. Bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kadar pengangguran, beberapa pembaharuan telahpun dilaksanakan pada tahun 2017 oleh agensi-agensi Kerajaan melalui penggubalan dasar, pepadanan pekerjaan dan peluang *re-skilling*, termasuk inisiatif i-Ready di mana sebanyak 1,358 graduan telahpun mendaftar dan mula berkhidmat di sektor swasta dan awam yang memberi pendedahan kepada industri. Selain dari program-program industri seperti *Industry Competency Framework* yang sedia ada, Kerajaan juga telah menubuhkan Pusat Pembangunan Kapasiti yang menawarkan kursus-kursus jangka pendek yang akan meningkatkan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan di sektor pembuatan dan perkhidmatan. Usaha-usaha ini diharapkan akan meningkatkan kapasiti dan kompetensi tenaga tempatan dalam menyumbang kepada ekonomi negara dalam jangka masa sederhana dan panjang.
7. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tempoh sepuluh bulan yang pertama tahun 2017 secara purata telah menurun sebanyak 0.2% tahun-ke-tahun. IHP bagi Oktober 2017 naik 0.3% tahun-ke-tahun iaitu pada kadar yang sama dengan bulan sebelumnya. Harga barangan impot terus menurun dalam tempoh sepuluh bulan yang pertama tahun ini, seiring dengan penurunan indeks harga makanan global meskipun menerima tekanan kenaikan sejak beberapa bulan kebelakangan ini, sementara harga minyak terus stabil. Walaupun Negara Brunei Darussalam tidak mengamalkan dasar sasaran inflasi, AMBD menjangkakan inflasi domestik pada 2017 terus kekal rendah dan stabil dalam lingkungan -0.2% hingga 0.1%.

#### **Perkembangan Sektor Kewangan Negara Brunei Darussalam**

8. Pada suku ketiga 2017, jumlah aset dan deposit perbankan telah menurun masing-masing sebanyak 8.5% tahun-ke-tahun kepada BND17.4 bilion dan 6.4% tahun-ke-tahun kepada BND14.7 bilion. Pinjaman/pembiayaan mencatat penurunan sebanyak 12.1% kepada BND5.2 bilion pada suku ketiga 2017 daripada BND5.9 bilion pada suku ketiga 2016. Penurunan tersebut adalah disebabkan oleh penyelesaian pinjaman/pembiayaan oleh syarikat-syarikat korporat dan penurunan kredit baru terutamanya kepada sektor perniagaan iaitu sektor pembuatan, infrastruktur, telekomunikasi dan teknologi maklumat. Penurunan kredit ini juga mungkin menunjukkan peluang terhad bagi sektor-sektor tersebut untuk memperluaskan perniagaan yang

sedia ada atau pun baru. Selain itu juga, penurunan deposit adalah disebabkan oleh penurunan jumlah deposit pelanggan-pelanggan *institutional*.

9. Kualiti aset industri perbankan telah menurun sedikit di mana agregat nisbah pinjaman tertunggak bersih (*net non-performing loans/financing*) telah meningkat kepada 2.4% pada suku ketiga 2017 daripada 2.1% pada suku ketiga 2016; terutamanya daripada pembiayaan peribadi tidak bercagar dalam sektor isi rumah, dan juga daripada sesetengah sektor perniagaan seperti perkhidmatan. Memandangkan pelaksanaan IFRS 9 akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018, AMBD sedang membuat penelitian terhadap pendekatan berhubung dengan peraturan klasifikasi dan juga peruntukan (*provision*) bagi pembiayaan tertunggak.
10. Secara keseluruhan, penunjuk kekukuhan kewangan yang utama (*key financial soundness indicators*) dalam industri perbankan berada pada tahap yang baik, walaupun dalam persekitaran global yang mencabar. Pada suku ketiga 2017, *Capital Adequacy Ratio* adalah sebanyak 19.7%, iaitu melebihi keperluan minima 10% seperti yang dikehendaki di dalam Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Bank-bank di Negara Brunei Darussalam juga mempunyai tahap kecairan (*liquidity*) yang tinggi dengan nisbah *Liquid Asset to Total Asset* sebanyak 51.8% pada suku ketiga 2017. Manakala, penunjuk agregat nisbah *Return on Assets* adalah sebanyak 1.7% dan *Return on Equity* adalah sebanyak 11.5% pada suku ketiga 2017.
11. AMBD telah mengeluarkan pindaan ke atas Notis Nisbah Keseluruhan Khidmat Hutang atau *Total Debt Service Ratio* (TDSR) pada 10 Ogos 2017. Pindaan tersebut meningkatkan had TDSR daripada 60 peratus kepada 70 peratus maksima bagi pembiayaan untuk pembinaan atau pembelian hartanah sahaja seperti rumah. Ini diharap dapat menggalakkan pemilikan rumah dan merangsang pasaran hartanah tempatan melalui peningkatan pembiayaan bank yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, ke arah mencapai Wawasan 2035. Manakala pada 9 November 2017, AMBD telah memberikan kelonggaran kepada institusi-institusi kewangan yang berkenaan untuk meningkatkan had TDSR dalam keadaan tertentu bagi Pembiayaan Ekuiti Perumahan (*Mortgage Equity Credit/Financing*); Pembiayaan yang dicagarkan sepenuhnya dengan wang tunai/simpanan tetap atau produk pelaburan yang *principal protected*; dan bagi pelanggan yang bergaji bulanan bersih BND10,000 dan ke atas.

12. AMBD juga mengeluarkan Notis Pengendali Platform *Equity Crowdfunding* yang berkuatkuasa pada 11 Ogos 2017. Tujuan Notis tersebut adalah untuk menetapkan keperluan yang relevan sejajar dengan Securities Markets Order, 2013 dan Securities Markets Regulations, 2015 yang berkaitan dengan operasi platform *equity crowdfunding*.
13. Dalam mencapai objektif AMBD untuk menaiktaraf rangka kerja regulatori selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, AMBD telah mengeluarkan Notis-Notis berkaitan dengan Urus Tadbir dan *Public Disclosure* bagi syarikat insurans dan pengendali takaful yang akan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2018. Rangka kerja tersebut bertujuan untuk menetengahkan pengurusan dan pengawasan perniagaan insurans/takaful yang kukuh dan berhemat serta dapat mengenalpasti tanggungjawab di dalam melindungi kepentingan pemegang-pemegang polisi. Ianya juga dijangka untuk meningkatkan disiplin pasaran dan kesedaran mengenai risiko yang dihadapi oleh syarikat insurans/pengendali takaful dan bagaimana risiko tersebut diuruskan.
14. AMBD juga komited di dalam usaha mentransformasikan rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko (*risk-based supervision*) daripada rangka kerja penyeliaan berdasarkan pematuhan sahaja bagi sektor insurans/takaful, mengambilkira rangka kerja tersebut lebih memberi tumpuan kepada sifat, saiz, tahap kerumitan dan profil risiko setiap syarikat insurans/pengendali takaful tersebut. Ianya memerlukan pertimbangan yang sewajarnya dalam mengenalpasti dan menilai risiko, dan seterusnya menentukan kaedah pengawalseliaan yang paling sesuai untuk memastikan bahawa risiko yang dihadapi oleh syarikat insurans/pengendali takaful dapat diuruskan secukupnya. Tahap campur tangan pengawalseliaan juga akan mengikut tahap risiko yang dihadapi.
15. Dalam pada itu, rangka kerja undang-undang yang selaras dengan piawaian antarabangsa juga diperlukan dalam mengembangkan pasaran industri insurans dan takaful yang moden. Oleh yang demikian, pada tahun ini, AMBD telah mengambil langkah-langkah untuk mengemaskinikan undang-undang insurans dan takaful yang sedia ada bagi mencapai tahap yang setanding dengan piawaian antarabangsa. Projek ini dijangka akan mengambil masa beberapa tahun sebelum dikuatkuasakan sepenuhnya termasuklah sekurang-kurangnya setahun bagi tempoh peralihan.
16. AMBD telah mengeluarkan Notis bagi mengemaskinikan keperluan *Minimum Cash Balance* (MCB) dalam memberi kelonggaran pengurusan kecairan harian bank-bank. Notis ini telah mula

berkuatkuasa pada 1 Disember 2017, dan akan mengenalkan mekanisme pengiraan MCB secara purata, iaitu pencapaian pertama AMBD ke arah pembangunan *money market* domestik di Negara Brunei Darussalam.

17. Negara Brunei Darussalam terus meningkatkan usaha dan kekal komited bagi menjadikan negara ini sebagai salah sebuah pusat terkemuka di dalam kewangan Islam melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan secara holistik dan bersepadu oleh pihak Kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi dan institusi-institusi kewangan Islam. Berdasarkan perkara tersebut, Negara Brunei Darussalam telah berjaya meningkatkan reputasi dan kedudukannya dalam kumpulan 10 negara teratas di dunia dalam Penunjuk Kemajuan Kewangan Islam (*Islamic Finance Development Indicator*) bagi tahun 2017, iaitu berada di kedudukan ke-9 berbanding kedudukan ke-14 pada tahun 2016 melalui laporan yang dikeluarkan oleh ICD-Thomson Reuters, *Islamic Finance Development Report 2017*. Laporan ini juga menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah negara yang paling meningkat di dalam penunjuk tersebut di kalangan negara-negara rantau Asia Tenggara. Pencapaian ini merupakan satu kejayaan dan pengiktirafan antarabangsa terhadap perkembangan industri kewangan Islam di negara ini. Dalam hal ini, AMBD terus komited dalam merangka dan melaksanakan pelan-pelan tindakan strategik yang kondusif dan progresif supaya kemajuan dan pembangunan kewangan Islam menjadi salah satu agenda penting bagi memajukan ekonomi negara sekaligus mendokong Wawasan 2035.
  
18. AMBD akan terus-menerus meneliti dan memantau semula persekitaran kawal selia untuk memastikan kestabilan kewangan dikekalkan, sambil menggalakkan perkembangan sektor kewangan yang berterusan. AMBD juga komited dalam meningkatkan keupayaan pengawalseliaannya melalui peningkatan piawaian penyediaan laporan, undang-undang, amalan terbaik penyeliaan dan rangka kerja pengawalseliaan am. AMBD juga akan terus menjalankan aktiviti ke arah mencapai aspirasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membangunkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah pusat kewangan Islam yang bereputasi tinggi.

Sumber-sumber data:

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri

Food and Agriculture Organization of the United Nations

FDI Action and Support Team, Jabatan Perdana Menteri

Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN)

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Bahagian Unit Tenaga Manusia, Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri